

Kerjasama UMS-YKN bantu pesakit ESRD

Pusat Dialisis UMS-YKN sediakan penjagaan dan rawatan hemodialisis berkualiti tinggi

UB 27.09.2023 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalin kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) melalui penubuhan Pusat Dialisis UMS-YKN bagi membantu pesakit end stage renal disease (ESRD) atau penyakit buah pinggang kronik bagi mendapatkan rawatan.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata Pusat Dialisis UMS-YKN menyediakan penjagaan dan rawatan hemodialisis berkualiti tinggi kepada pesakit ESRD.

"Kini Pusat Dialisis UMS-YKN dilengkapi dengan sembilan kerusi hemodialisis yang boleh memuatkan jumlah maksimum 54 pesakit keseluruhan.

Terdapat 14 jururawat terlatih dan dua pembantu perawatan kesihatan bertugas di pusat rawatan itu.

"Bukan itu sahaja, perunding daripada pakar perubatan dan pakar nefrologi profesional dengan pasukan jururawat profesional untuk memastikan penjagaan dan rawatan kejururawatan berkualiti tinggi turut diberikan," katanya.

Beliau berkata demikian sempena program lawatan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri ke pusat dialisis berkenaan.

Kasim berkata kemudahan rawatan yang disediakan di Pusat Dialisis UMS-YKN dapat membantu merealisasikan hasrat kerajaan mengurangkan beban rakyat berpendapatan rendah bagi mendapatkan rawatan hemodialisis.

"YKN telah melantik UMS melaksana perkhidmatan dalam tempoh lima tahun bermula 16 April 2021 sehingga 15 April 2026 dan akan menghantar sejumlah maksimum 18 pesakit ESRD sepanjang tempoh itu.

"YKN akan membuat bayaran rawatan bagi setiap pesakit tajaan mereka sebanyak RM250 bagi setiap kali rawatan dengan bilangan maksimum rawatan 13 kali sebulan.

"Sepanjang tempoh rawatan, pendidikan kesihatan dan ceramah serta penilaian pemakanan juga turut diberikan," katanya.



KERJASAMA: Nordina dan Kasim bertukar dokumen MoU, sambil disaksikan Nancy sempena majlis itu.

kan dari semasa ke semasa," katanya.

Kasim turut memaklumkan Pusat Dialisis UMS-YKN telah dibuka untuk orang ramai termasuk pelajar dan kakitangan UMS sejak 14 Jun 2017.

Pada majlis itu, Kasim dan Ketua Pegawai Eksekutif

YKN, Nordina Haron turut menyempurnakan acara Penyerahan Memorandum Persefahaman antara UMS-YKN.

Nancy juga berkesempatan dibawa untuk meninjau kemudahan serta melawat beberapa pesakit yang menerima rawatan di pusat

berkenaan.

Turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hajah Aiman Athirah Sabtu dan Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr. Maziah Che Yusof.